

Keputusan UPSR terbaik dalam sejarah

Calon dapat A semua mata pelajaran lebih 10 peratus

Oleh Azrina Ahzan
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini adalah yang terbaik dalam sejarah peperiksaan itu, pertama kali melebihi 10 peratus apabila 48,327 calon memperoleh gred A dalam semua mata pelajaran.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Abdul Ghafar Mahmud, berkata calon memperoleh keputusan cemerlang semua A meningkat kepada 10.02 peratus daripada 9.51 peratus tahun lalu.

"Alhamdulillah, peratusan calon di bawah tahap pencapaian minimum (semua D/E atau kombinasi keduanya) juga berkurangan daripada 3.99 peratus kepada

3.39 peratus tahun ini," katanya ketika mengumumkan keputusan UPSR 2010, di sini, semalam.

Katanya, pencapaian calon luar bandar yang memperoleh gred A bagi semua mata pelajaran juga amat memuaskan, meningkat 0.8 peratus daripada tahun lalu.

Seramai 482,334 calon menduduki peperiksaan UPSR tahun ini di 8,192 pusat peperiksaan di seluruh negara dari 21 September hingga 23 September lalu.

Abdul Ghafar berkata, peningkatan itu merapatkan lagi jurang pencapaian calon cemerlang (gred A) antara bandar dan luar bandar daripada 0.20 mata (mengikut GPN) kepada 0.04 mata.

Mengenai calon golongan istimewa, beliau berkata, mereka yang memperoleh gred



PASANGAN kembar yang juga pelajar OKU, Ahmad Rosli yang mendapat 2A,3B (kiri) bersama adiknya, Muhammad Rosli yang mendapat 4A,1B selepas mengambil slip keputusan UPSR di Sekolah Kebangsaan Seksyen 27 (2) Shah Alam, semalam.

A bagi semua mata pelajaran meningkat 1.97 peratus, menjadikan GPN bagi pencapaian keseluruhan calon istimewa meningkat 0.02 mata.

Katanya, Ujian Aptitud yang dijalankan tahun ini menunjukkan peningkatan dalam bidang sosial, budaya dan sukan, manakala bi-

dang akademik, teknik, vokasional dan seni menunjukkan penurunan ketara antara 5.4 peratus hingga 26.6 peratus.